



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 4.00 petang ini menunjukkan enam (6) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, lima puluh lima (55) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **tujuh (7) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

- 1) IPD Serian, SARAWAK (IPU - 165)
- 2) Kuching, SARAWAK (IPU - 160)
- 3) Sri Aman, SARAWAK (IPU - 161)
- 4) Sibu, SARAWAK (IPU - 129)
- 5) Samarahan, SARAWAK (IPU - 135)
- 6) Mukah, SARAWAK (IPU - 154)
- 7) Bintulu, SARAWAK (IPU - 130)

Kualiti udara dalam negara pada hari ini didapati merosot dengan peningkatan kawasan yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat melibatkan kawasan di Sarawak yang disebabkan oleh pergerakan asap jerebu daripada pelbagai arah.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **18 Ogos 2026**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20*, terdapat **1079 titik panas (hotspot)** dikesan di Kalimantan, **20 titik panas (hotspot)** dikesan di Sumatera dan **8 titik panas (hotspot)** dikesan di dalam negara iaitu **3 di Sabah dan 5 di Sarawak**.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 18 Ogos 2026 menunjukkan keadaan cuaca kering berlaku di kebanyakan kawasan di rantau ASEAN selatan, kecuali beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia dan bahagian utara Sumatera yang mengalami hujan. Titik panas dikesan secara meluas di Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Selatan. Titik panas turut dikesan di kawasan lain di Kalimantan, Kepulauan Sunda Kecil, Sumatera, Pulau Jawa dan Sulawesi. Kepulan asap sederhana hingga padat diperhatikan di Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Selatan. Kepulan asap sederhana dari Kalimantan Barat turut diperhatikan bergerak ke arah utara memasuki bahagian barat Sarawak. Kepulan asap sederhana turut diperhatikan di Kalimantan Utara serta bahagian selatan dan tengah Sumatera.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN (PTJK)

JAS melalui Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan **sentiasa memantau kualiti udara dari semasa ke semasa** dan tindakan yang akan diambil adalah selaras dengan PTJK yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi adalah:

- (i) NADMA akan mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah/negeri/pusat apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam;
- (ii) **menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah** apabila bacaan **IPU melebihi 100**;
- (iii) **Sekolah, tadika dan taska ditutup serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200**. Bagi tujuan ini, pihak sekolah, tadika dan taska dikehendaki sentiasa memantau bacaan IPU. Sekiranya **trend bacaan menunjukkan peningkatan ke arah 200** persediaan perlu dilaksanakan untuk menutup sekolah, tadika dan taska yang berkenaan; dan
- (iv) **Operasi Pembenihan Awan (OPA)** akan dilakukan **tertakluk kepada kehadiran awan dan cuaca yang sesuai pada bacaan IPU melebihi 150** bagi tempoh lebih daripada 24 jam.

Sehubungan itu, JAS bersama Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu akan sentiasa bertindak dengan lebih cepat dan responsif di atas tindakan-tindakan seperti yang disenaraikan di dalam PTJK.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store';
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja**. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, kadar denda telah dinaikkan kepada minimum RM25,000 dan maksimum RM1,000,000, atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya. Di samping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan; dan
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

HAJAH AZURI AZIZAH BINTI HAJI SAEDON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
19 OGOS 2026



RAJAH 1

Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 18 Ogos 2026

